



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan, terdiri daripada pemohon kelahiran Negeri Selangor atau mempunyai ibu/ bapa yang dilahirkan di Negeri Selangor bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	STATUS
A	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	1	TETAP

BUTIRAN PERMOHONAN

- a) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil akademik, sijil berhenti sekolah rendah dan menengah dan lain - lain dokumen berkaitan.
- b) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dan perlu disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemas kini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.
- c) Borang Permohonan yang tidak lengkap diisi dan lewat diterima akan ditolak dan tidak dilayan.
- d) Hanya calon - calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.
- e) Pemohon - pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat.
- f) Pemohon – pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- g) Borang (LPHS 01/PSM) boleh dimuat turun melalui laman web <http://lphs.selangor.gov.my>. Permohonan hendaklah dihantar kepada :

**PENGARAH EKSEKUTIF
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR
TINGKAT 5, PODIUM UTARA
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 JUN 2022 (JUMAAT)
JAM 4.30 PETANG**

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR**
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan (N)
- (d) Gred Jadual Gaji : N29
2. :
- | Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|-----------|--------------|---------------|-----------------------------|
| N29 | RM1,493.00 | RM5,672.00 | RM145.00 |
- Imbuhan Tetap :
- Khidmat Awam : RM160.00
 - Perumahan : RM300.00
 - Elaun Sara Hidup : RM350.00
3. Taraf Jawatan :
4. Deskripsi Tugas :
- Bertanggungjawab menguruskan kerja – kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan konsuler dan penguatkuasaan undang – undang.
5. Syarat Lantikan :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a) Warganegara Malaysia.
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawata
 - c) Syarat Kelayakan:
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - iv. Diploma dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan Gred N29 : RM1,770.95).
6. Syarat Lantikan Tambahan :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **BAHASA MELAYU** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 5 (c); atau
ii. lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b) had umur pelantikan :
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.